

Pengorbanan dua detektif dihargai

BH 21 JUL 2000

KUALA KANGSAR, Khamis - Kerajaan amat menghargai pengorbanan mendiang Detektif Sarjan R Sagadevan, 50, yang terbunuh dalam insiden di Bukit Jenalek, Sauk, baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun pelbagai bantuan diberikan, ia tidak mungkin dapat menggantikan kehilangan yang dirasai balunya, S Malliga, 40, serta lima anaknya.

"Kita memang berterima kasih tetapi kita tahu

bahawa walaupun kita bagi bantuan sikit-sikit, ini tidak akan mengganti suaminya atau bapa kepada anak-anaknya," katanya. Selepas menemui keluarga mendiang Sagadevan dan keluarga Detektif Sarjan Mohd Shah Ahmad, 48, di Sungai Perak Safari Resort di sini, petang tadi.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Alisingah di resort itu dalam perjalanan pulang dari merasmikan Konvensyen Umno Kedah khusus untuk menemui kedua-dua

keluarga berkenaan.

Beliau meluangkan masa kira-kira sejam dan menyatakan rasa terutang budi kerajaan atas pengorbanan kedua-dua anggota keselamatan itu serta bertanya masalah dan Mohd Shah sendiri.

Pada pertemuan itu, Malliga ditemani semua anaknya iaitu Rajeswari, 24; Thanabalan, 22; Bala-devan, 20; Pubaladevan, 17 dan Kumarthevan, 13.

Mohd Shah, satu-satunya bekas tebusan yang masih hidup, ditemani isterinya, Rohaiyah Salleh,

40, dan tiga anaknya iaitu Hafizan, 21; Mohd Saiful Adili, 14 dan Nazira, 11.

Dr Mahathir dan isteri turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada keluarga mangsa.

Sumbangan Persatuan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dan Persatuan Isteri-isteri Ahli Dewan Undangan Negeri Perak (Baiduri), masing-masing disampaikan oleh Dr Siti Hasmah dan isteri Menteri Besar, Datin Seri Kamariah Mokri.

Hadir sama pada majlis itu Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mendiang Sagadevan dan Mohd Shah adalah dua tebusan yang ditahan oleh 28 perompak senjata di Bukit Jenalek yang diketuai Pengasas Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah), Mohd Amin Mohd Razali.